

PPNT sasar bekal 10,000 kambing menjelang 2015

Utusan Malaysia

28 Februari 2012

KUALA TERENGGANU 27 Feb. — Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu (PPNT) dijangka dapat membekal 10,000 ekor kambing bagi menampung keperluan daging haiwan itu menjelang 2015.

Pengaruhnya, Samsudin Mat Rani berkata, bagi mencapai sasaran itu, pihaknya akan berusaha menarik penglibatan 250 penternak untuk menjalankan projek secara komersial.

Menurut beliau, kini terdapat 144 penternak kecil atau tradisional dengan jumlah ternakan kira-kira 3,500 ekor kambing di seluruh negeri di bawah bimbingan PPNT.

Katanya, bagi membantu penternak kecil mengembangkan usaha mereka dan menambah bilangan penternak, PPNT mempunyai Tabung Pembangunan Usahawan Peladang untuk membantu.

"Tahun ini RM400,000 diluluskan untuk tujuan itu," katanya selepas merasmikan Latihan Hand-On Penternakan Kambing Beor (Modul 1) di PPNT, di sini hari ini.

Seramai 40 peserta kursus sehari anjuran PPNT dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Katanya, melalui tabung tersebut penternak boleh memohon sehingga RM50,000 bagi memperluaskan ternakan mereka dengan kadar bayaran balik yang rendah.

"Adalah menjadi hasrat PPNT untuk melihat penternak yang sedia ada dapat memperbesarkan saiz ternakan bagi membantu menampung pengeluaran daging negeri yang sentiasa meningkat," katanya.

Samsudin berkata, PPNT sentiasa bekerjasama dengan MARDI untuk memberi khidmat nasihat dan menggalakkan mereka menggunakan pakai teknologi atau kaedah yang disyorkan.

Menurut beliau, antaranya termasuklah mengamalkan amalan pertanian yang baik, terutama daripada segi pengurusan makanan dan pengawalan penyakit secara teratur bagi memastikan pengeluaran daging ditingkatkan serta bermutu tinggi.

Beliau berkata, di peringkat awal penternak terbabit dibantu dengan diberikan baka sebanyak 20 ekor, manakala kandang disediakan oleh penternak sendiri.